

KEJOHANAN FUTSAL I-METRO ZON UTARA 2010

Pasukan Staf UniMAP Wanita telah berjaya mendapat tempat ke -3 dalam kejohanan ini. Sebanyak 30 pasukan dari seluruh Malaysia telah menyertai kejohanan ini. Kejohanan ini diadakan pada 13-14 Mac 2010 bertempat di Safira Sport Planet, Pulau Pinang. Pasukan UniMAP Staf diletakkan bersama Kumpulan 1 yang terdiri dari pasukan Pengasus dan Pasukan Tak Tau FC. Dalam peringkat kumpulan Staf Wanita UniMAP telah menjadi Johan kumpulan dengan menewaskan Pasukan Pengasus dan Tak Tau FC dengan kedudukan 4 -0.

Pasukan Staf UniMAP Wanita telah berjaya ke peringkat Suku Akhir dan bertemu dengan pasukan LYNN Crony Eagle FC dan memenangi jaringan 3 -0. Dengan ini melayakkan diri ke peringkat Separuh Akhir tetapi terpaksa akur dengan kehebatan pasukan Yakuza.

Pasukan Staf UniMAP Wanita terpaksa beraksi di perlawanan penentuan tempat ke - 3 dan ke 4. Pada perlawanan penentuan Pasukanh UnimAP telah berjaya menduduki tempat ke - 3 serta membawa pulang hadiah Wang Tunai bernilai RM 1500, medal dan hadiah saguhati dari penaja.